

SET 2



MODUL PROGRAM IKON GIGI

SKOP 5

SKOP 6

SKOP 7

SKOP 8



PROGRAM IKON GIGI (iGG) EDISI 2020



AMALAN MEROKOK DAN KESIHATAN MULUT

SKOP
5



PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KANDUNGAN SKOP

1. Pengenalan
2. Bahan berbahaya dalam rokok tradisional dan rokok elektronik
3. Kesan merokok terhadap kesihatan mulut dan pergigian
4. Mitos dan fakta

OBJEKTIF

Pada akhir sesi, peserta dapat:

1. Mengetahui bahan berbahaya dalam rokok tradisional dan rokok elektronik
2. Mengetahui kesan merokok kepada kesihatan mulut

PENGENALAN



Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendedahkan lebih 7 juta orang meninggal dunia setiap tahun akibat merokok atau menghidu asap rokok.



Pengguna tembakau adalah penagih nikotin. Merokok juga telah diklasifikasikan sebagai satu penyakit mental oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).



21.3% perokok semasa di Malaysia.
40 dari 100 lelaki adalah perokok.
1 dari 100 perempuan adalah perokok.

-NHMS 2019



5% (1 juta) rakyat Malaysia pengguna rokok elektronik vape.

-NHMS 2019




Secara purata, perokok semasa di Malaysia menghisap 13 batang rokok setiap hari.



Nikotin adalah racun yang dikawal.

KANDUNGAN UTAMA DALAM ROKOK TRADISIONAL



27% perokok
semasa di Malaysia
berumur 30-34 tahun.

-NHMS2019

KESAN MEROKOK TERHADAP KESIHATAN GUSI



Merokok mengurangkan keupayaan badan bertindak balas melawan infeksi.



Fungsi dan aktiviti tisu gusi terbantut disebabkan bahan-bahan toksik dalam rokok.



Akibatnya, bertambah jenis bilangan bakteria yang memudaratkan.



Kekurangan pengaliran darah ke kawasan gusi mengakibatkan tanda-tanda amaran awal penyakit gusi seperti gusi berdarah tidak dapat dikesan.



Perokok berisiko
4x
lebih tinggi
untuk mendapat
penyakit gusi
yang serius

KESAN MEROKOK DENGAN NAFAS BERBAU

Rantai hidrokarbon polisiklik yang memberikan rokok bau yang khusus.



Walaupun telah selesai merokok, baunya boleh melekat di dalam mulut pada baju dan juga pada sofa, sekaligus mengakibatkan bau tersebut kekal lama

Perokok juga mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk terkena penyakit gusi yang lebih teruk, seterusnya menyebabkan nafas berbau.



TABIAT MEROKOK DAN PENYEMBUHAN LUKA DALAM MULUT

Merokok mengubah respon imuniti setempat di dalam mulut, sekaligus melambatkan proses penyembuhan selepas cabutan gigi dan pembedahan mulut.



Perokok semasa ada 40% risiko mendapat soket kering berbanding dengan bukan perokok



Soket gigi menjadi kering selepas gigi dicabut
Suatu keadaan yang menyakitkan

TABIAT MEROKOK DAN KANSER MULUT



Tiada istilah
'terlalu lewat'
untuk berhenti merokok.



Berhenti merokok **> 3 tahun** risiko
kanser mulut turun **5 x**

Kandungan rokok **> 7000** bahan kimia
penyebab kanser




Perokok **6x risiko** untuk mendapat
kanser mulut

GIGI BERKARAT DENGAN TABIAT MEROKOK



Nikotin dan tar ialah ramuan asas dalam rokok yang mengaratkan gigi menjadi warna kuning, perang dan kehitaman



Nikotin adalah sejenis bahan kimia yang tidak berwarna. Apabila nikotin bergabung dengan oksigen, terjadilah mendapan berwarna karat yang melekat pada permukaan gigi.



Minyak tar adalah benda pekat dan lekit yang berwarna hitam dan biasanya digunakan untuk melapisi jalan raya dan lain-lain.



Kotoran meresap ke lapisan dalam menerusi rekahan mikro yang ada pada permukaan gigi, menyebabkan ia mustahil untuk dihilangkan dengan rawatan penskaleran & penggilapan.



PROGRAM IKON GIGI (iGG) EDISI KETIGA 2020



**DOKTOR GIGI
PASTIKAN YANG ORI**

**SKOP
6**



**PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

PENGENALAN

'*Fake Dentist*' atau Doktor Gigi Haram merupakan pengamal pergigian yang tidak bertauliah.

Mereka juga turut dikenali sebagai tukang gigi haram, *quack dentist*, doktor gigi jalanan, doktor gigi kaki lima dan doktor gigi palsu.



KANDUNGAN SKOP

- Siapakah Doktor Gigi Haram?
- Mengenal pasti Doktor Gigi bertauliah
- Bahana Doktor Gigi Haram
- Peranan anda
- Laporkan kepada...

OBJEKTIF

- Memberi pendedahan mengenai Doktor Gigi Haram
 - Menerangkan peranan dan tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh orang awam

FAKTA DOKTOR GIGI HARAM

Semenjak 2015 sehingga kini, kes aduan Doktor Gigi Haram semakin **meningkat** dan beberapa kes telah pun dihadapkan ke mahkamah serta dikenakan **hukuman** dan **denda**.



AMARAN

**JIKA SABIT KESALAHAN,
DENDA MAKSIMUM RM300,000
DAN/ATAU
PENJARA MAKSIMUM 6 TAHUN**

Seksyen 5(1)
Akta Kemudahan
dan Perkhidmatan
Jagaan Kesihatan Swasta 1998
[Akta 586]



SIAPAKAH DOKTOR GIGI HARAM?

TIADA kelulusan
TIDAK berdaftar

CIRI-CIRI DOKTOR GIGI HARAM

- Melakukan kegiatan di tempat selain di klinik pergigian yang berdaftar
- Mempromosikan kegiatan melalui perbualan, media sosial, risalah dan poster
- Melakukan kegiatan tanpa memakai alat perlindungan diri yang lengkap
- Peralatan yang digunakan tidak disteril

LOKASI MEREKA?

Lokasi sentiasa berubah-ubah untuk mengelak dikesan pihak berkuasa

- Di hotel atau *homestay*
- Di *spa* atau salon kecantikan
- Dari rumah ke rumah
- Di tempat awam atau kaki lima kedai
- Di premis yang tidak berdaftar

JADILAH PESAKIT YANG BIJAK KETIKA MEMILIH DOKTOR GIGI!

Pastikan klinik pergigian **berdaftar** dengan
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Doktor pergigian mesti
berdaftar dengan **Majlis Pergigian Malaysia** dan
mempunyai **Sijil Pengamalan Pergigian Tahunan**
yang aktif untuk tahun semasa.



IMBAS QR CODE
untuk menyemak
status
Doktor Gigi anda

www.dpims.moh.gov.my

BAHANA

DOKTOR GIGI HARAM

Kegagalan, kecacatan dan kecederaan kepada struktur gigi dan mulut

Emosi terganggu akibat kesan buruk kepada kesihatan mulut/gigi

Kerugian wang dan masa untuk rawatan pemulihan

Risiko penyakit berjangkit (HIV, HEP B, TB)



PERANAN ANDA



**Menyebarkan maklumat tentang
bahana Doktor Gigi Haram**



**Elak penglibatan dengan
aktiviti Doktor Gigi Haram**



**Melaporkan kepada
pihak berkuasa**

LAPORKAN KEPADA

1

Cawangan Perundangan dan Penguatkuasaan Program Kesihatan Pergigian

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 5, Blok E10, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
Telefon : 03-88834215 / 4212 / 4237
E-mel : ohd@moh.gov.my

2

Majlis Pergigian Malaysia

E301, Aras 3, Blok 3440, Enterprise Building 1,
Jalan Teknokrat 3, 63000, Cyberjaya
Telefon : 03-83186440 / 4510 / 7366
Fax : 03-83186121
E-mel : mdc@moh.gov.my

3

Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta Bahagian Amalan Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, Blok E1, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Cyberjaya
Telefon : 03-88831301
E-mel : ckaps@moh.gov.my



PROGRAM IKON GIGI (iGG)

EDISI KETIGA 2020



**KESIHATAN PERGIGIAN:
FAKTA VS AUTA**

SKOP

7



**PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

KESIHATAN PERGIGIAN

FAKTA VS AUTA



PENGENALAN

**MAHUKAN FAKTA YANG SAHIF DAN TEPAT?
Semuanya bermula di sini...**

KANDUNGAN SKOP

- **BETULKAN YANG BIASA, BIASAKAN YANG BETUL**
- **KATA-KATA ORANG TENTANG RAWATAN GIGI**
- **OUEHHH.....AUTA KE TU? INGATKAN FAKTA**

OBJEKTIF

Memberi pendedahan tentang fakta – fakta kesihatan pergigian yang sahif dan tepat kepada masyarakat.



1

"BETULKAN YANG BIASA, BIASAKAN YANG BETUL"



Kita biasa dengar orang kata...

Apa yang betul adalah...



AUTA

"Jenis berus gigi berbulu keras dapat membersihkan gigi dengan lebih bersih"



FAKTA

Teknik memberus gigi yang betul & pemilihan berus gigi yang sesuai (berbulu lembut) sudah memadai untuk membersihkan gigi.



AUTA

"Berus gigi dengan lebih kuat dapat memastikan gigi lebih bersih."



FAKTA

Memberus gigi dengan kuat akan menyebabkan gigi terhakis dan sensitif serta boleh mencederakan gusi. Amalkan memberus gigi dengan **TEKNIK YANG BETUL DAN BERKESAN.**



AUTA

"Gusi berdarah ketika memberus gigi adalah normal."



FAKTA

GUSI BERDARAH ADALAH TIDAK NORMAL. Ia adalah tanda keradangan yang disebabkan oleh bakteria dalam ruang gusi.



FAKTA VS AUTA

"BETULKAN YANG BIASA, BIASAKAN YANG BETUL"

Kita biasa dengar orang kata...

Apa yang betul adalah...



AUTA

"Jika gigi tidak sakit, tidak perlu berjumpa doktor gigi."



FAKTA

Pemeriksaan gigi sewajarnya dilakukan sekurang-kurangnya **SEKALI SETAHUN** di klinik gigi.



AUTA

"Gigi yang sihat adalah gigi yang putih."



FAKTA

GIGI KUNING TIDAK BERERTI MASALAH PERGIGIAN

Warna gigi adalah bergantung kepada banyak faktor seperti genetik, minuman berkafein dan tabiat merokok. Gigi yang sihat adalah gigi yang **TIDAK BERKARIES DAN TIDAK BERGOYANG**.



AUTA

"Sakit gigi dapat disembuhkan dengan mengambil ubat tahan sakit (analgesik)"



FAKTA

UBAT TAHAN SAKIT (ANALGESIK) ADALAH BERSIFAT SEMENTARA SAHAJA.

Apabila punca utama yang menyebabkan sakit gigi tidak dirawat maka sakit gigi akan muncul kembali.



FAKTA VS AUTA

"KATA-KATA ORANG
TENTANG
RAWATAN GIGI"



AUTA

"Penskaleran akan
menyebabkan
gigi jarang"



AUTA

"Penskaleran
menjadikan
gigi nipis"



AUTA

"Penskaleran
menyebabkan
gigi bergoyang"



FAKTA

**PENSKALERAN TIDAK MENJADIKAN
GIGI KITA JARANG**

Sebaliknya ruang yang kelihatan adalah disebabkan karang yang telah disingkirkan ketika penskaleran



FAKTA

PENSKALERAN TIDAK MENIPISKAN GIGI.

Penskaleran membuang kotoran dan karang gigi secara getaran.



FAKTA

**PENSKALERAN TIDAK MENYEBABKAN GIGI
BERGOYANG.**

Gigi bergoyang kerana sokongan kepada gigi telah berkurang akibat penyakit periodontium (gusi).





**PENSKALERAN TIDAK MEMUTIHKAN
GIGI.**

Penskaleran dilakukan untuk
menghilangkan kesan kotoran.



"Penskaleran untuk
putihkan gigi."



**KARANG GIGI TIDAK DAPAT DIHILANGKAN
DENGAN MEMBERUS GIGI**

Karang gigi hanya dapat dihilangkan
dengan rawatan penskaleran.



"Memberus gigi
boleh menghilangkan
karang gigi."



Cabutan tidak menyebabkan
mata kabur atau buta kerana
cabang saraf mata dan gigi adalah

BERASINGAN.



"Cabutan gigi
menyebabkan
mata kabur
atau buta."

"KATA-KATA ORANG TENTANG RAWATAN GIGI"

KESIHATAN PERGIGIAN

FAKTA VS AUTA



"Pesakit perlu berhenti mengambil ubat cair darah sebelum membuat cabutan gigi"



JANGAN MEMBERHENTIKAN

pengambilan ubat tanpa nasihat daripada doktor.



Penyelesaian kepada gigi sakit adalah cabutan.



Cabutan bukanlah satu-satunya penyelesaian kepada gigi yang sakit. Gigi sakit mungkin dapat diselamatkan dengan **TAMPALAN ATAU RAWATAN AKA**



"Gigi bongsu mesti dicabut."



Gigi bongsu tidak perlu dicabut sekiranya tiada

SAKIT BERULANG ATAU KARIES.

FAKTA VS AUTA



"OUUHHH.....AUTA
KE TU?
INGATKAN FAKTA"



AUTA

Kesihatan mulut dan gigi ibu mengandungi tiada kaitan dengan kesihatan bayi dalam kandungan.



FAKTA

Terdapat kajian bahawa penyakit periodontium (gusi) yang teruk boleh menyebabkan **RISIKO KELAHIRAN BAYI PRA MATANG** dan tidak cukup berat.



AUTA

Ibu mengandung akan kehilangan gigi setiap kali mengandung.



FAKTA

Kehilangan gigi bukan disebabkan oleh proses kehamilan. **PERUBAHAN HORMON** semasa mengandung menyebabkan gusi terdedah kepada jangkitan yang mengakibatkan gigi bergoyang dan kehilangan gigi.





"OUUHHH.....AUTA
KE TU?
INGATKAN FAKTA"



AUTA

Bayi dalam kandungan mengambil kalsium daripada gigi ibu & merosakkan gigi tersebut



FAKTA

Bayi **TIDAK MENYERAP KALSIUM DARI IBU**. Gigi yang tidak dijaga dengan rapi adalah penyebab utama kepada kerosakan gigi.



AUTA

Ibu hamil tidak boleh membuat rawatan pergigian. Rawatan gigi tidak selamat dijalankan semasa mengandung.



FAKTA

RAWATAN PERGIGIAN ADALAH SELAMAT DIJALANKAN KETIKA MENGANDUNG bergantung kepada jenis rawatan dan tempoh kehamilan.

Rawatan pergigian seperti tampalan dan penskaleran boleh dilakukan sepanjang kehamilan. Cabutan pula adalah lebih selamat pada trimester kedua.

FAKTA VS AUTA



"OUUHHH.....AUTA
KE TU?
INGATKAN FAKTA"



AUTA

Gigi susu tidak penting.



FAKTA

Gigi susu penting untuk makan,
pertuturan serta panduan untuk
gigi kekal tumbuh.



AUTA

Jika gigi susu rosak,
elok dicabut sahaja.



FAKTA

Gigi susu tidak boleh dicabut
sewenang-wenangnya tanpa
mengira keadaan gigi, umur dan
kerjasama pesakit.



AUTA

Gigi susu tidak perlu diberus.



FAKTA

Gigi susu perlu diberus sekurang-kurangnya 2
kali sehari seawal gigi pertama tumbuh





"OUUHHH.....AUTA
KE TU?
INGATKAN FAKTA"



Kanak-kanak tidak boleh menggunakan
ubat gigi berfluorida.



Ubat gigi berfluorida sebesar kacang pis
boleh digunakan bagi mencegah
kerosakan gigi.



Gigi susu yang jarang perlu memakai
pendakap gigi.



Gigi susu yang jarang adalah normal bagi
memberi ruang untuk gigi kekal tumbuh
dan tersusun dengan baik





PROGRAM IKON GIGI (iGG) EDISI KETIGA 2020



FASILITI DAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN

SKOP

8



**PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

KANDUNGAN

- 1 Pengenalan dan objektif 2
- 2 Rawatan pencegahan 3
- 3 Rawatan di klinik pergigian primer 4
- 4 Rawatan kepakaran 5
- 5 Klinik pergigian bergerak 6

PENGENALAN

Perkhidmatan kesihatan pergigian di Malaysia telah sekian lama beroperasi. Klinik pergigian kerajaan yang pertama telah ditubuhkan di Jalan Silang, Kuala Lumpur.

Program Kesihatan Pergigian komited menyediakan perkhidmatan rawatan pergigian terbaik seiring dengan visi dan misi Kementerian Kesihatan Malaysia.

OBJEKTIF

- 1 Untuk memberi pengetahuan kepada Ikon Gigi tentang jenis-jenis rawatan yang diberikan di perkhidmatan kesihatan pergigian kerajaan.
- 2 Untuk memberi pengetahuan kepada Ikon Gigi tentang fasiliti dan perkhidmatan pergigian kepada masyarakat.

JENIS-JENIS PERKHIDMATAN

1



Rawatan Pencegahan

1 RAWATAN PENCEGAHAN

- Khidmat nasihat dan rujukan
- Pemeriksaan gigi berkala
- Sapuan Fluorida
- Penutupan alur gigi

2



Rawatan Di Klinik Pergigian Primer

3



Rawatan Kepakaran



2 RAWATAN DI KLINIK PERGIGIAN PRIMER

- Cuci gigi
- Tampal gigi
- Rawatan akar gigi
- Cabut gigi
- Gigi Palsu
- Kes Trauma

JANGAN LUPA!
PASTIKAN ANDA BAWA
KAD PENGENALAN ATAU
MYKID UNTUK PENDAFTARAN



3 RAWATAN KEPAKARAN

- Rawatan Gusi
- Pendakap Gigi (*Braces*)
- Jambatan Gigi (*Bridge*)
- Tanam Gigi (*Implant*)
- Sarung Gigi (*Crown*)
- Kes Trauma Rumit
- Pembedahan Mulut Dan Maksilofasial
- Masalah Patologi Dan Perubatan Mulut



**PERLUKAH SAYA
DAPATKAN TEMUJANJI
TERLEBIH DAHULU?**

**SEBAIK-BAIKNYA
ENCIK MENELEFON DAHULU
MANA-MANA KLINIK PERGIGIAN
BERDEKATAN UNTUK DAPATKAN
TARIKH TEMUJANJI.**





SAKIT GIGI DI HUJUNG MINGGU?

JANGAN RISAU! ANDA
BOLEH PERGI KE

- KLINIK PERGIGIAN DI UTC
- KLINIK PERGIGIAN SWASTA
- UNIT KECEMASAN DI HOSPITAL

KLINIK PERGIGIAN BERGERAK

- Fasilitas yang diwujudkan untuk memberi perkhidmatan pergigian kepada masyarakat secara outreach.
- Kelebihan KPB boleh memberi perkhidmatan di mana-mana kawasan mengikut keperluan kesihatan; iaitu kawasan bandar atau pedalaman

PENGHARGAAN

Ahli Jawatankuasa Pembangunan Flip Chart Modul Program Ikon Gigi (iGG)

Bidang Tugas	Senarai Ahli	Tempat Bertugas
Pengerusi	Dr. Salleh bin Zakaria	Cawangan Promosi Kesihatan Pergigian, Program Kesihatan Pergigian, KKM.
Skop 1 & 2 (Edisi ke-3)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Nur Hidayah binti Zuhurulsham 2. Dr. Mohammad Najmi bin Abd Latif 3. Dr. Raja Mohamed Zulzaim bin Raja Husni 4. Dr. Nabihah bintt Abu Karim 5. Dr. Luqman Hakim bin Zulkipli 6. Dr. Abdul Mueiz bin Samat @Darawi 	Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Kelantan, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan.
Skop 3 (Edisi ke-3)	Dr. Ahmad Syahir bin Ahmad Zu Safiuddin	Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Pahang, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang.
Skop 4	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Choo Wan Ling 2. Dr. Siaw Hooi Chin 	Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Pulau Pinang, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.
Skop 5	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Lor Yen Fang 2. Dr. Nil Irma Isaura binti Azman 	Bahagian Kesihatan Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya.
Skop 6	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Mohamad Noor bin Sairi 2. Dr. Nur Fatehah binti Mohamad Yusof 3. Dr. Akmal Khalis bin Doreyat 4. Dr. Zaid bin Ahmad Sharifuddin 	Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Selangor, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.
Skop 7	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Ili Mazlina binti Mukhtar 2. Pn. Siti Rahmah binti Rahman 3. Dr. Sharul Azzat bin Shamsudin 4. Dr. Muhammad Anas Bukhari bin Abu Hanifah 	Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Perak, Jabatan Kesihatan Negeri Perak.
Skop 8 (Edisi ke-3)	Dr. Maryam binti Hj. Abdul Halim	Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Pahang, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang.
Urusetia	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Doryalisa binti Zakaria 2. Dr. Muhammad Adib bin Jamil 3. Pn. Haziah binti Hassan 4. Pn. Norazizah binti Nordin 5. Pn. Siti Zainaliza binti Hashim 	Cawangan Promosi Kesihatan Pergigian, Program Kesihatan Pergigian, KKM.

serta

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada individu-individu yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan flip chart ini.